

# 40 SOALAN RAMADAN

termasuk Jadual Ramadan 2024  
Persatuan Muhammadiyah

Menjawab Permasalahan  
Ramadan Secara Ringkas

EDISI  
1445H/2024

JABATAN DAKWAH  
PERSATUAN MUHAMMADIYAH SINGAPURA



PERSATUAN MUHAMMADIYAH | 1445H/2024M  
JADUAL SOLAT TERAWIH & TAZKIRAH  
(Ramadan 1 hingga 14)

Hari	Tarikh	Imam Terawih	Asatizah Tazkirah/Ceramah	Tajuk
Isnin	11 Mac	Ustaz Md Aslam Akbar Ali	Ustaz Md Azri Azman	Keberkatan Ramadan Mengukuhkan Ummah
Selasa	12 Mac	Ustaz Md Aslam Akbar Ali	Ustaz Md Ishlaahuddin Jumat	Menjiwai Sifat Rahmah
Rabu	13 Mac	Ustaz Aminuddin Md Ali Hanafiah	Ustaz Khairul Abdullah Kamal	Memupuk Kebersamaan Dalam Ummah
Khamis	14 Mac	Ustaz Md Nashruddeen Khalis Md Nizam	Ustaz Md Taufiq Kasan	Kelebihan Ummah Yang Bersatu
Jumaat	15 Mac	Ustaz Md Nashruddeen Khalis Md Nizam	Ustaz Dr Md Luthfi Md Masruh	* Perpaduan Salafussoleh
Sabtu	16 Mac	Akh Md Hamza Md Fazil	Ustaz Dr Md Rizhan Leman	* Khilaf Itu Rahmah
Ahad	17 Mac	Ustaz Aminuddin Md Ali Hanafiah	Ustaz Md Hafiz Zainul	Sedekah Membangun Ummah
Isnin	18 Mac	Akh Ridhwan Jamil	Ustaz Zulzawaid Zulkifli	Kepentingan Diri Penghambat Kemajuan
Selasa	19 Mac	Akh Ridhwan Jamil	Ustaz Dr Ihsan Muhibdin	Melerai Konflik, Membangun Keharmonian
Rabu	20 Mac	Akh Md Hamza Md Fazil	Ustaz Aminuddin Md Ali Hanafiah	Takwa Melahirkan Ihsan Dan Kebijaksanaan
Khamis	21 Mac	Akh Ammar Ibrahim Audi Yudasmara	Ustaz Hanafiah Budin	Bagaimana Nabi Mendidik Generasi Para Sahabat
Jumaat	22 Mac	Akh Ammar Ibrahim Audi Yudasmara	Ustaz Dr Abdul Aziz Mohamed	* Perkasa Akhlak Perkukuh Ummah
Sabtu	23 Mac	Akh Md Hamza Md Fazil	Ustaz Norhakim Siddiq	* Zakat Menghakis Kemiskinan, mengikis Kebakhilan
Ahad	24 Mac	Ustaz Md Aslam Akbar Ali	Ustaz Shaik Hussain Shaik Yacob	Ummah Yang Cerdas Dan Berdaya Saing

Tazkirah  
Selepas Isyak | 8:45 malam



Ceramah  
Selepas Terawih | 9:30 malam

Iftar & terawih akan diadakan  
di Rumah Kebajikan  
Muhammadiyah



PERSATUAN MUHAMMADIYAH | 1445H/2024M  
JADUAL SOLAT TERAWIH & TAZKIRAH  
(Ramadan 1 hingga 29)

Hari	Tarikh	Imam Terawih	Asatizah Tazkirah/Ceramah	Tajuk
Isnin	25 Mac	Ustaz Shaik Huzaifah Shaik Hussain	Ustaz Huzaifah Md Amin	Memelihara Keseimbangan Emosional Ummah
Selasa	26 Mac	Ustaz Md Aslam Akbar Ali	Ustaz Md Afdal Abdul Hamid	Pertingkat Perpaduan Dengan Silaturrahim
Rabu	27 Mac	Ustaz Md Nashruddeen Khalis Md Nizam	Ustaz Mahfuz Al-Hafiz Abd Rahman	Menyebarluaskan Rahmat Dengan Kedamaian
Khamis	28 Mac	Akh Ridhwan Jamil	Ustaz Md Taufiq Kasan	Sifat Sabar Membawa Rahmat
Jumaat	29 Mac	Akh Ridhwan Jamil	Ustaz Shaik Huzaifah Shaik Hussain	* Dakwah: Tugas Atau Tanggungjawab
Sabtu	30 Mac	Ustaz Aminuddin Md Ali Hanafiah	Ustaz Dr Saifuddin Amin	* Bersatu Dalam Menyebar Rahmah
Ahad	31 Mac	Akh Ridhwan Jamil	Ustaz Dr Ihsan Muhibdin	Interaksi Bersama Al-Quran Mengundang Rahmat Allah
Isnin	1 Apr	Ustaz Md Aslam Akhbar Ali	Ustaz Khairul Abdullah Kamal	Tersebarluaskan Rahmah Pada Setiap Langkah
Selasa	2 Apr	Ustaz Md Aslam Akhbar Ali	Ustaz Md Hafiz Zainul	Toleransi Dan Kebaikan Hati
Rabu	3 Apr	Ustaz Shaik Huzaifah Shaik Hussain	Ustaz Md Taufik Md Ramlan	Sifat Rahmah Para Sahabat Yang Patut Dicontohi
Khamis	4 Apr	Ustaz Md Nashruddeen Khalis Md Nizam	Ustaz Shaik Hussain Shaik Yacob	Rahmah Perkukuh Ukuwah
Jumaat	5 Apr	Ustaz Aminuddin Md Ali Hanafiah	Ustaz Faizudin Fauzan	* Bekerjasama Di Dalam Titik Persamaan
Sabtu	6 Apr	Akh Md Fakhruddeen Khalis Md Nizam	Ustaz Md Khalid Md Rafi	* Sikap Pasif, Perosak Ukuwah
Ahad	7 Apr	Akh Md Fakhruddeen Khalis Md Nizam	Ustaz Md Ishlaahuddin Jumat	Teruskan Semangat Ramadan
Isnin	8 Apr	Akh Md Fakhruddeen Khalis Md Nizam	Ustaz Md Azri Azman	Apabila Ramadan Melabuhkan Tirainya



Tazkirah  
Selepas Isyak | 8:45 malam



Ceramah  
Selepas Terawih | 9:30 malam

# PROGRAM QURAN & IFTAR

## IHYA AL-QURAN

Hidupkan jiwa Ramadan anda bersama Al-Quran

PERCUMA!

### INTENSIF AL-QURAN

Belajar Membaca Al-Quran



Isnin, Rabu & Jumaat (Muslimin)

Isnin & Rabu (Muslimah)

### TAHSIN AL-QURAN

Baca Al-Quran bersama Asatizah



Isnin - Jumaat (Muslimin)

Selasa, Khamis & Jumaat (Muslimah)

Slot terhad, daftar sekarang!

[tiny.cc/IhyaQuran1445h](http://tiny.cc/IhyaQuran1445h)

DIALU-ALUKAN BUAT SEMUA PERINGKAT UMUR



## INFAQ RAMADAN for Iftar & Terawih

### INFAQ RAMADAN 2024

Infaq anda akan digunakan untuk menyediakan iftar untuk jemaah, program Dakwah, Utiliti dan penyelenggaraan.

Imbas Kod QR atau ke pautan  
[muhammadiyah.org.sg/ramadan2024](http://muhammadiyah.org.sg/ramadan2024)



# ZAKAT, INFaq, FIDYAH

## Bersama Muhammadiyah



**Dapatkan 1kg Ajwa Madinah dengan setiap sumbangan \$300**

\*Selagi stok masih ada  
+penghantaran percuma

## CARA CARA MENDERMA

### TUNAI/NETS

**Pejabat Muhammadiyah (Hexacube)**  
160 Changi Road #03-05, Singapura 419728  
Isnin - Ahad : 9 pagi - 9 malam

### Bazaar @ Bedok

Depan Blk 131 Bedok North

### Bazaar Geylang Serai

Berdekatkan pintu masuk  
Wisma Geylang Serai  
Isnin - Ahad : 2 petang - 9 malam

### DALAM TALIAN

Menggunakan Kad Debit atau PayNow:  
[muhammadiyah.org.sg/donate](http://muhammadiyah.org.sg/donate)

### CEK BERPANGKAH

**Muhammadiyah Association**  
dan tuliskan Nama, No. Telefon Serta  
“Zakat/Infaq/Fidyah” di belakang Cek

### BANK TRANSFER

**Ke DBS 017-005202-0**  
Ref : Zakat/Infaq/Fidyah\_HP  
Contoh : Zakat\_9847 1342  
Screenshot ke WhatsApp 8408 4326

### KUTIPAN DARI RUMAH

Melalui Tunai/Nets  
hubungi kami di 6242 7388 atau  
WhatsApp 8408 4326

### PAYNOW

Imbas kod QR dengan aplikasi bank anda  
atau hantarkan ke nombor **UEN S58SS0020C**

Ref : Zakat/Infaq/Fidyah\_HP  
Contoh : Infaq\_HP

Hantarkan screenshot  
ke WhatsApp 8408 4626



# KANDUNGAN

1	MUQADDIMAH
3	MAKNA RAMADAN
5	CARA PUASA
7	QIYAM RAMADAN
9	PUASA & WANITA
12	IKTIKAF & LAILATUL QADAR
13	RUKHSAH PUASA
15	QADHA` PUASA
16	ZAKAT & FIDYAH
20	SOALAN BONUS
24	ISU KONTEMPORARI

“Wahai orang-orang yang beriman, kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan juga kepada orang-orang terdahulu sebelum kamu agar kamu bertakwa”  
(Surah Al-Baqarah [2]: 183)

# KATA PENGANTAR

Alhamdulillah segala puji bagi Allah tuhan sekalian alam. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w, para sahabatnya serta seluruh umat Islam yang mendapat petunjuknya hingga hari kiamat.

Kesyukuran tidak terhingga kami dari Jabatan Dakwah telah menyiapkan buku ringkas 40 Soalan Ramadan ini sebagai rujukan mudah bagi anggota, jemaah dan karyawan Muhammadiyah.

Melalui buku kecil ini, diharapkan dapat menjawab persoalan-persoalan Ramadan yang ada serta membantu untuk memahami dan mengamalkan ibadah bulan Ramadan dengan lebih bersungguh-sungguh.

Semoga terbitan pertama ini dapat memberi manfaat kepada pembaca dan juga mempertingkatkan kualiti takwa kita kepada Allah s.w.t, khususnya pada bulan Ramadan yang mulia.

Jika ada saranan dan maklum balas, sila hubungi kami.

Terima kasih,  
Wassalam

Jabatan Dakwah Muhammadiyah

# MAKNA RAMADAN

## 1. APA ITU BULAN RAMADAN?

Bulan Ramadan ialah bulan yang kesembilan dari dua belas bulan Kalendar Hijriyah. Secara bahasa atau maknawi, perkataan Ramadan bermaksud ar-Ramdā` , iaitu panas membara. Makna bulan Ramadan sebagaimana di dalam al-Qur'an ialah, bulan yang diturunkan al-Qur'an, yakni (al-Qur'an) sebagai petunjuk bagi manusia dan keterangan-keterangan nyata yang menunjuk kepada kebenaran, serta membezakan antara yang hak dan yang batil.

## 2. APA KEISTIMEWAAN BULAN RAMADAN?

- Al-Qur'an diturunkan pada bulan ini sebagai hidayah kepada manusia. Hidayah merupakan petunjuk oleh Allah s.w.t untuk membezakan antara yang hak dan yang batil.
- Orang yang berpuasa Ramadan dengan penuh keimanan dan mengharapkan pahala dari Allah, dosa-dosanya yang lalu akan diampunkan.
- Pada salah satu malam bulan Ramadan, terdapat Lailatul Qadar. Iaitu malam yang lebih baik dari seribu bulan.
- Orang-orang beriman digalakkan untuk memperbanyakkan ibadah pada malam tersebut.
- Pada bulan Ramadan, pintu-pintu syurga akan dibuka, pintu-pintu neraka akan ditutup dan syaitan-syaitan pula akan diikat. Bulan inilah masanya untuk kita meraih kesempatan mendapatkan pahala sebanyak-banyaknya.

3.

## KENAPA MESTI BERPUASA PADA BULAN RAMADAN?

Setiap orang yang beriman diwajibkan berpuasa pada bulan Ramadan, sebagaimana yang disebutkan dalam al-Qur'an pada ayat ke-183 dalam surah al-Baqarah (surah ke-2 dalam al-Qur'an).

Allah berfirman, "Wahai orang-orang yang beriman, kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan juga kepada orang-orang terdahulu sebelum kamu agar kamu bertakwa".

Semua muslim lelaki dan wanita wajib (mesti) berpuasa pada bulan Ramadan. Kecuali kanak-kanak yang belum baligh. Walaubagaimana pun, Islam memudahkan bagi sesiapa yang susah atau terasa beban untuk berpuasa dengan syarat-syarat yang tertentu.

4.

## SIAPA YANG WAJIB BERPUASA?

## 5. APA TUJUAN & HIKMAH PUASA

Tujuan puasa ialah menjadikan kita lebih bertakwa kepada Allah. Ia melatih kita untuk mengawal hawa nafsu dan syahwat seperti menahan diri dari perasaan marah, dengki dan sebagaimana. Dengan berpuasa, kita akan selalu ingat kepada Allah dan tidak berniat jahat untuk melakukan perbuatan dosa dan maksiat.

Puasa juga dapat mengendali bermacam-macam cabaran dan dugaan, serta dapat menjaga kesihatan jasmani dan rohani kita bila berpuasa.

## 6. BILA MULA BERPUASA?

Puasa Ramadan bermula bila sudah masuknya tanggal 1 bulan Ramadan. Di Singapura, cara mengetahui tanggal 1 bulan Ramadan adalah dengan menggunakan kaedah hisab imkanur rukyah. Iaitu dengan membuat perkiraan bulan melalui ilmu astronomi dalam memastikan kedudukan anak bulan berada di atas ufuk Singapura setelah terbenamnya matahari.

Puasa bermula dari waktu fajar (azan subuh) hingga terbenamnya matahari (azan magrib). Waktu imsak hanya sekadar memberikan peringatan bahawa azan subuh akan berkumandang. Bagi yang masih bersahur bila sudah masuknya waktu imsak, segerakanlah sahur anda kerana azan subuh sudah dekat.

## 7. BILAKAH PERLU MENJATUH-KAN NIAT PUASA?

Kita perlu menjatuhkan niat puasa sebelum masuknya waktu subuh. Namun demikian, apabila kita sudah tahu bahawa keesokan harinya kita akan berpuasa, maka sudah dianggap telah menjatuhkan niat. Apalagi bila kita bangun sahur untuk makan, pasti niat untuk berpuasa sudah ada di dalam hati tanpa melafazkannya.

Adapun sebahagian pendapat ulama mewajibkan niat dengan lafaz setiap hari bermula selepas waktu maghrib hingga sebelum waktu subuh pada keesokan harinya, maka ia tidak menjadi sebuah masalah yang dipertikaikan.

## 8. APAKAH SUNNAH-SUNNAH BERPUASA?

Beberapa sunnah berpuasa yang telah dicontohkan oleh Nabi Muhammad s.a.w:

- Mengakhirkan makan sahur.
- Menyegerakan berbuka.
- Berbuka dengan kurma dan air.
- Berdoa ketika berbuka.
- Memberi makanan untuk orang-orang berbuka.
- Memperbanyak derma dan amal ibadat seperti solat terawih.

## 9. BAGAIMANA BERBUKA PUASA SESUAI SUNNAH NABI?

Nabi Muhammad s.a.w menyegerakan berbuka dengan memakan buah kurma dan segelas air. Para ulama menggalakkan kita berbuka dengan manis-manisan jika tidak ada kurma.



# QIYAM RAMADAN

## 10. APA ITU QIYAM RAMADAN?

Erti Qiyam adalah berdiri. Qiyam Ramadan adalah melaksanakan ibadah solat malam pada bulan Ramadan. Pada umumnya, Qiyam Ramadan juga dinamakan sebagai solat terawih yang dikerjakan selapas solat isyak. Diutamakan solat secara berjemaah, namun boleh juga secara bersendirian.

## 11. BERAPAKAH JUMLAH RAKAAT SOLAT TERAWIH DAN WITIR?

Rakaat solat terawih dilakukan sebanyak 8 rakaat. Namun, 20 atau 36 rakaat juga dibolehkan oleh sebahagian ulama.

Jumlah rakaat witir boleh dilakukan dari 1 hingga 11 rakaat. Makna witir adalah ganjil. Yang bermaksud, melaksanakan solat dengan rakaat yang ganjil.

## 12. BOLEHKAN MELAKSANAKAN QUNUT WITIR?

Ulama perbeza pandangan mengenai pelaksanaan Qunut Witir. Sebahagian membolehkan, dan sebahagian berpendapat ia tidak disyariatkan disebakkan oleh kedudukan hadisnya yang lemah.

## 13. BOLEHKAN SOLAT WITIR DUA KALI PADA SATU MALAM?

Solat witir hanya dilakukan sekali dalam satu malam. Sebagaimana Nabi Muhammad s.a.w bersabda, “Tidak ada dua witir dalam satu malam” (Riwayat Abu Daud).

## 14. APA HUKUM SOLAT SUNAT SETELAH TERAWIH?

Dbolehkan solat sunat setelah solat terawih kerana tidak ada batasan rakaat untuk mengerjakan solat malam. Bagi sesiapa yang sudah melaksanakan solat witir, kemudian dia hendak mendirikan solat malam setelah bangun dari tidurnya, maka dia hanya solat malam tanpa melaksanakan solat witir.



# **PUASA & WANITA**

## **15. BAGAIMANA HUKUM PUASA BAGI WANITA HAID?**

Wanita haid tidak boleh berpuasa dan perlu mengqadha` puasanya setelah bulan Ramadan.

## **16. JIKA HAID BERHENTI SEBELUM FAJAR, DAN BELUM MANDI JUNUB, APAKAH SAH PUASA SAYA?**

Sekiranya jika haid anda berhenti sebelum fajar dan masih dalam keadaan hadas besar, anda tetap wajib berpuasa kerana anda sudah suci dari haid atau nifas. Sama keadaannya dengan orang yang masih dalam keadaan junub setelah masukknya waktu fajar.

## **17. APA HUKUM PUASA BAGI WANITA HAMIL?**

Wanita hamil dibolehkan berpuasa jika dia mampu. Sekiranya jika dia tidak mampu, dia boleh tidak berpuasa. Jika dia tidak berpuasa kerana bimbang kepada dirinya sahaja, atau bimbang dengan keadaan anak di dalam kandungannya, maka wajib membayar fidyah untuk hari tersebut. Ini sesuai dengan pendapat Ibnu Abbas dan Ibnu Umar.

## 18. BAGAIMANA PULA DENGAN WANITA HAMIL SAMBIL MENYUSUKAN ANAK?

Wanita hamil sambil menyusukan kerana takut memudaratkan anaknya, maka dibolehkan untuk tidak berpuasa dan menggantikan puasanya dengan memberi fidyah.

Ibnu Abbas r.a berkata: “Wanita hamil sambil menyusukan anak, jika takut terhadap anak-anaknya, maka dia boleh berbuka dan memberi makan kepada seorang miskin (fidyah).”

Ibnu ‘Umar r.a ketika ditanya tentang wanita hamil yang khuatir terhadap anaknya, beliau menjawab: “Hendaklah berbuka dan memberi makan kepada satu orang miskin yang telah ditinggalkan (puasa).”



Khuatir untuk  
dirinya sahaja  
=Fidyah



Khuatir untuk dirinya  
dan bayi kandungan  
=Fidyah



Khuatir untuk dirinya dan anak  
masih menyusu  
=Fidyah

## 19. APAKAH PUASA SAYA DITERIMA SEKIRANYA HAID DATANG 1 MINIT SEBELUM BERBUKA?


Sekiranya haid anda datang 1 minit sebelum berbuka, puasa anda telah batal dan perlu digantikan/qadha` setelah bulan Ramadan.

## 20. BOLEHKAH MAKAN UBAT UNTUK MENGHINDARI HAID DI BULAN RAMADAN?

Pada hakikatnya, tidak sah bagi wanita berpuasa dalam keadaan haid. Jika ubat yang dimakan memudaratkan seorang wanita, maka perlu dihindari dan perlu meminta nasihat doktor atau pakar. Sekiranya ubat yang dimakan tidak mendatangkan bahaya, maka dibolehkan.

Namun demikian, seeloknya wanita mengikuti putaran jadual haid secara semula jadi untuk menjaga kesihatannya yang telah diberikan oleh Allah.

"Pastikan anda tidak terlepas menghitung jumlah Qadha` anda."



# **IKTIKAF & LAILATUL QADAR**

## **21. APA ITU IKTIKAF?**

Iktikaf ialah berdiam diri atau menetap dalam suatu tempat. Secara istilah, iktikaf ialah berdiam diri di masjid dengan melaksanakan amalan-amalan tertentu dengan niat kerana Allah.

## **22. BAGAIMANA CARA BERIKTIKAF?**

Iktikaf sangat dianjurkan pada sepuluh malam terakhir bulan Ramadan. Tempat beriktikaf hanya di masjid. Disunnahkan bagi orang yang beriktikaf untuk memperbanyakkan ibadah dan mendekatkan diri kepada Allah s.w.t, seperti solat sunat, membaca al-Qur'an dan sebagainya. Jangan lupa niat ikhlas kepada Allah dalam melaksanakan ibadat kepada Allah s.w.t.

## **23. APA ITU LAILATUL QADAR & APA KELEBIHANNYA?**

Lailatul Qadar adalah satu malam yang sangat istimewa yang terjadi pada bulan Ramadan, yang lebih baik dari seribu bulan. Pada malam tersebut, al-Qur'an diturunkan dan kita dianjurkan untuk memperbanyakkan ibadat seperti solat, berselawat, berzikir, membaca al-Qur'an dan memohon keampunan kepada Allah s.w.t.

## **24. BILAKAH LAILATUL QADAR?**

Para ulama berselisih pandangan tentang bila ia terjadi. Antaranya ialah pada malam-malam ganjil pada sepuluh malam terakhir bulan Ramadan. Walaupun begitu, agama menganjurkan kita untuk memperbanyakkan beribadat pada sepuluh malam terakhir Ramadan kerana tidak ada serorang pun yang dapat mengetahui bilakah malam seribu bulan itu terjadi.

### **RUKHSAH PUASA**

## **25. BOLEHKAH MENERUSKAN PUASA JIKA TERMINUM ATAU TERMAKAN?**

Boleh meneruskan puasa kalau terminum atau termakan tanpa niat yang sengaja. Puasa anda tidak batal dan perbuatan tanpa disengajakan seperti makan dan minum adalah sebuah rezeki dari Allah s.w.t.

## **26. JIKA SAYA BELAYAR, BOLEHKAH SAYA MENINGGALKAN PUASA?**

Seseorang yang belayar atau bermusafir diberikan kelonggaran untuk tidak berpuasa dan hanya perlu menggantikan (Qadha') puasanya selepas Ramadan.

## 27. BOLEHKAH SAYA BERBUKA BILA KE JOHOR ATAU KE BATAM?

Memandangkan bila ke Johor atau ke Batam telah dianggap sebagai safar (ke luar negeri), maka dibenarkan untuk tidak berpuasa jika anda merasa berat dan boleh memudaratkan diri anda ketika berpuasa. Jika anda mampu untuk berpuasa semasa dalam perjalanan tanpa ada kesulitan, anda dibolehkan untuk berpuasa, agar mendapatkan keberkatan beramal di bulan Ramadan.

## 28. APA HUKUM PUASA BAGI ORANG TUA?

Orang tua yang ada kesulitan atau kepayahan untuk berpuasa, hukumnya adalah harus (mubah). Sebagai ganti, mereka perlu membayar fidyah sesuai hari yang ditinggalkan. Contohnya, seorang nenek tidak mampu berpuasa selama 30 hari, maka dia perlu membayar fidyah untuk 30 hari tersebut.

### \*Makna Rukhsah:

Maksudnya adalah Keringanan atau Kelonggaran.

Dengan adanya rukhsah, kita diberi keringanan dalam melaksanakan hukum agama seperti qadha` puasa. Pengecualian ini hanya diberikan kepada kita dalam keadaan darurat atau terpaksa sahaja.

## **29. APA ITU QADHA`?**

Qadha` ialah menggantikan puasa Ramadan selepas bulan Ramadan yang telah ditinggalkan.

## **30. BAGAIMANA KALAU SUDAH MASUK RAMADAN YANG BARU TETAPI BELUM SELESAI PUASA QADHA`?**

Orang yang belum selesai puasa Qadha` sehingga bertemu dengan Ramadan yang baru wajib mengqadha' puasa yang ditinggalkan.

## **31. BOLEHKAN SAYA PUASA QADHA` DAN SUNAT SEKALIGUS?**

Pada dasarnya, amalan wajib mesti diutamakan dari amalan sunat. Namun, jika anda berniat untuk puasa Qadha` pada hari Isnin dan khamis atau hari-hari afdal seperti hari arafah, mudah-mudahan anda mendapat pahala sunat pada hari tersebut.

Akan tetapi, jika anda berniat untuk puasa sunat sahaja, maka anda masih belum memenuhi tuntutan kefarduan. Oleh itu, anda masih wajib selesaikan Qadha` puasa Ramadan.

## **32. BOLEHKAH PUASA ENAM SYAWAL SEBELUM PUASA QADHA`?**

Ulama berbeza pendapat tentang mendahulukan puasa syawal sebelum puasa Qadha`, dan menggabungkan puasa syawal dengan puasa Qadha`. Jalan yang terbaik adalah mendahulukan puasa Qadha` sebelum puasa enam. Jika khuatir tidak dapat melaksanakan puasa enam kerana jumlah puasa Qadha` yang banyak (seperti wanita haid dan nifas), maka dibolehkan untuk puasa enam. Namun demikian, hendaklah sempurnakan puasa Qadha`nya sebelum Ramadan yang baru.

## **ZAKAT & FIDYAH**

### **33. APA PERBEZAAN ZAKAT HARTA DAN ZAKAT FITRAH?**

- Zakat Harta ialah menyerahkan bahagian harta yang telah dimiliki dan ditentukan setelah mencukupi kadar haul (setahun) dan nisab.
- Zakat Fitrah ialah zakat yang wajib atas setiap individu baik kanak-kanak yang belum baligh dan juga dewasa untuk diberikan selama berada di bulan Ramadan hingga sebelum bermulanya solat Aidil Fitri.

## 34. APA HUKUM ZAKAT HARTA?

Hukum zakat harta adalah wajib (mesti) dibayar jika:

- Cukup haulnya (Setahun)
- Sampai Nisab (kadar)
- Jumlah pembayaran: 2.5% dari hartanya.
- Syarat pembayar zakat: Muslim, Baligh, Berakal.

## 35. BAGAIMANA CARA PENGAGIHAN ZAKAT HARTA?

Wang zakat harta boleh diagihkan kepada salah satu dari 8 asnaf secara langsung atau boleh memberikan kepada badan-badan yang mengurus pengagihan zakat harta.

## 36. APA HUKUM ZAKAT FITRAH?

Hukum membayar zakat fitrah adalah wajib bagi sesiapa yang berada di bulan Ramadan dan sebelum bermulanya solat Aidil Fitri

- Jika dia tidak berkemampuan, waris/wali harus membayarkan untuknya.
- Diberikan kepada orang miskin.
- Kadar SG\$5.00 / SG\$7.70 (Tahun 2023)

## 37. ADAKAH BOLEH MEMBAYAR ZAKAT FITRAH DENGAN BERAS?

Zakat Fitrah boleh dibayar dengan beras. Bagi setiap orang ialah satu sa' atau 2.3kg makanan asas sebuah negeri di mana seorang itu berada. Di Singapura, makanan asas adalah beras.

## 38. APA HUKUM FIDYAH?

**Yang wajib Fidyah sahaja:**

- Lelaki tua dan wanita yang merasa berat apabila berpuasa.
- Orang sakit yang tiada harapan untuk sembuh.
- Wanita hamil dan wanita yang menyusukan bayi .

**Yang wajib Qadha` sahaja:**

- Orang yang menghadapi uzur syar'i seperti sakit yang boleh sembuh, musafir, wanita yang datang haid.
- Orang meninggalkan puasa secara sengaja dan berdosa.

## 39. APAKAH KADAR PEMBAYARAN FIDYAH?

Harga pembayaran fidyah sekitar SGD \$6 (Sesuai dengan harga satu hidangan makanan [Nasi/Roti dan lauk]).

## 40. BAGAIMANAKAH CARA MENGHITUNG FIDYAH?

Cara menghitung fidyah hanya perlu membayar jumlah hari yang tertunggak sahaja.

### CONTOH MENGHITUNG FIDYAH

$$\begin{array}{ccc} \text{Jumlah} & \text{Satu} & \text{Jumlah} \\ \text{hari} & \times & \text{Hidangan} = \text{Keseluruhan} \\ 10 & & \$6 & \$60 \end{array}$$

“Dan wajib bagi orang-orang yang berat menjalankannya (jika mereka tidak berpuasa) membayar fidyah, (iaitu): memberi makan seorang miskin”

(Al Baqarah [2]: 184).

# SOALAN BONUS

## 1. BOLEHKAH SAYA GUNAKAN INHALER BILA SEMPUT?

Semua jenis penggunaan inhaler dengan pelbagai jenisnya, termasuk yang menggunakan serbuk yang disedut melalui mulut atau hidung, tidak membatalkan puasa menurut pendapat yang rajih (yang lebih kuat).

## 2. APAKAH PUASA SAYA BATAL KALAU TERMUNTAH?

Puasa anda tidak batal kalau termuntah. Kalau anda muntah dengan sengaja, maka puasa anda batal. Sebagaimana dalam hadis Abu Daud.

## 3. BOLEHKAH BERENANG KETIKA BERPUASA?

Tidak menjadi masalah jika seseorang berenang ketika berpuasa. Namun, berenang boleh menyebabkan masuknya air dalam mulut, hidung dan sebagainya. Jika air memasuki badan dengan cara sedemikian, maka puasanya batal. Oleh itu, berhati-hatilah ketika berenang supaya tidak tertelan air, dan sebagai langkah berjaga-jaga, elakkan berenang ketika berpuasa.

## 4. BETULKAH SYAITAN DIBELENGGU (DIIKAT) PADA BULAN RAMADAN?

Ya, syaitan dibelenggu pada bulan Ramadan sebagaimana dalam hadis al-Bukhari dan Muslim. Sebahagian ulama menjelaskan maksud dibelenggu adalah kejahatan pada bulan Ramadan berkurangan, dan ini merupakan perkara yang dapat dirasakan apabila amalan dosa pada bulan Ramadhan lebih sedikit jika dibandingkan dengan bulan-bulan selain bulan Ramadan.

Kemaksiatan boleh juga berpunca selain dari faktor syaitan. Boleh jadi disebabkan nafsu yang buruk, tabiat yang kotor, dan dari kalangan manusia sendiri.

## 5. APA ITU HARI SYAK?

Hari syak adalah tanggal 30 Sya'ban. Berdasarkan penggenapan bulan Sya'ban, bila hilal (anak bulan Ramadan) tidak kelihatan. Sama ada disebabkan mendung atau kerana cuaca yang kurang baik. Kita dibenarkan untuk berpuasa pada hari syak jika ia merupakan puasa sunat yang sering dilakukan ataupun untuk membayar Qadha` atau Nazar atau Kaffarah.

## **6. APA HUKUM ORANG BERPUASA BILA KELUAR AIR MANI?**

Mengeluarkan air mani dengan sengaja membatalkan puasa dan wajib Qadha` setelah bulan Ramadan.

Namun, jika seseorang bermimpi sehingga terkeluar air mani, tidak membatalkan puasa.

Adapun terkeluarnya air mazi tidak membatalkan puasa.

Akan tetapi, perlu diingatkan bahawa air mazi adalah najis dan perlu dihilangkannya dari pakaian dengan mencucinya. Terlebih lagi jika ingin memakai pakaian tersebut untuk melaksanakan ibadah.

## **7. BOLEHKAH MENGQADHA` HUTANG PUASA IBU YANG SUDAH MENINGGAL DUNIA?**

Sebahagian ulama berpendapat wajib mengqadha`kan puasanya, sama ada puasa Ramadan, nazar atau kaffarah sebagaimana dalam hadis Aisyah yang umum. Namun begitu, pendapat yang lebih kuat adalah sekadar membayarkan fidyah bagi puasa Ramadan dan mengqadha`kan puasa untuk yang telah bernazar.

Berdasarkan hadis at-Thahawi dan Abu Daud yang lebih khusus.

## **8. BOLEHKAH BERSIWAK ATAU BERUS GIGI BILA BERPUASA?**

Boleh bersiwak atau berus gigi bila berpuasa. Nabi sendiri bersiwak ketika beliau berpuasa. Bagi yang menggunakan pasta gigi, pastikan tidak sampai menelannya.

## 9. APAKAH HUKUM BERSETUBUHAN KETIKA BERPUASA PADA BULAN RAMADAN?

Batal puasa seseorang bila bersetubuhan ketika berpuasa pada bulan Ramadan. Wajib kaffarah bagi suami yang melakukannya.

Kaffarah adalah denda bagi orang yang melakukan kesalahan. Bagi masalah ini, suami wajib memerdekaan seorang hamba. Jika tidak mampu, wajib puasa 2 bulan berturut-turut. Jika tidak mampu, wajib memberi makan kepada 60 orang miskin.

## 10. BAGAIMANA PUASA SAYA BILA DISUNTIK?

Terdapat dua jenis suntikan.

- Perubatan: Jika ia digunakan untuk mengurangkan demam, bius, pain killer dan apa jua tujuan asas perubatan, ia disepakati oleh ulama bahawa tidak membatalkan puasa.
- Nutrisi: Suntikan makanan dan air seperti glukos dan semisalnya untuk tujuan perubatan; para ulama berbeza pandangan: Pandangan majoriti berpendapat tidak membatalkan puasa kerana ia tidak masuk ke dalam tubuh melalui rongga terbuka serta tidak bercanggah dengan hikmah puasa.

## PERKARA-PERKARA YANG TIDAK MEMBATALKAN PUASA

- 1- Gas oksigen tidak membatalkan puasa kerana ia hanya angin/udara yang tidak terdapat zat lain di dalamnya.
- 2- Pil yang diletakkan di bawah lidah bagi pesakit jantung, yang dihisap secara terus-menerus dan tidak masuk ke dalam rongga, tidak membatalkan puasa.
- 3- Bius tidak membatalkan puasa. Manakala bius penuh sepanjang hari membatalkan puasa tetapi sekiranya pesakit tersedar dan masih berbaki waktu puasa hari tersebut tidak batal puasanya.
- 4- Ubat titis mata, mengikut majoriti ulama semasa, tidak membatalkan puasa.
- 5- Suntikan ubat melalui kulit, urat dan otot mengikut majoriti ulama' semasa tidak membatalkan puasa.
- 6- Memasukkan air dan benda yang boleh mengenyangkan seperti glukos ke dalam urat, mengikut majoriti ulama semasa adalah membatalkan puasa.
- 7- Menyapu minyak, losyen dan sebagainya pada kulit, tidak membatalkan puasa.
- 8- Mengambil sedikit darah untuk ujian pemeriksaan tidak membatalkan puasa.

- 9- Memasukkan alat seperti kamera, untuk mengesan penyakit ke dalam urat/saluran jantung adalah tidak membatalkan puasa.
- 10- Menampal, mencabut, mengorek dan mencuci gigi atau menggunakan alat dan berus gigi, dengan syarat TIADA apa-apa bahan yang memasuki perut dari prosedur tersebut tidak membatalkan puasa.
- 11- Dialisis (mencuci darah) yang mengandungi ubat-ubat yang boleh mengenyangkan atau memberi kekuatan boleh membatalkan puasa, sebaliknya kalau setakat membersihkan darah tanpa ubat-ubatan tidak membatalkan.
- 12- Menderma (mengambil) darah. Terdapat khilaf yang begitu besar dikalangan ulama, tetapi pendapat yang lebih kuatnya tidak batal kerana dikiaskan kepada berbekam.
- 13- Teropong ke dalam saluran rahim atau memasukkan alat ke dalamnya (contoh; IUCD, alat pencegah kehamilan dalam rahim).
- 14- Ubat titis ke dalam telinga tidak membatalkan puasa kerana rongganya tidak bersambung dengan telinga.
- 15- Memasukkan ubat ke dalam dubur untuk penyakit buasir atau mengurangkan panas suhu badan tidak membatalkan puasa, kerana ia tidak sampai kepada perut.

# Rujukan

- *Kutub as-Sittah.*
- *Fathul Baari, Ibn Hajar al-Asqalani.*
- *Shahih Fiqih Sunnah.*
- *Tafsir Ibn Katsir.*
- *Al-Mausu'ah al-Fiqhiyah*
- *Fatwa-Fatwa Tarjih: Tanya Jawab Agama, Majelis Tarjih dan Tajdid Muhammadiyah Indonesia.*
- *Tuntunan Ibadah Pada Bulan Ramadhan,* Majelis Tarjih dan Tajdid Muhammadiyah Indonesia.
- *Ensiklopedia Ramadhan.*
- *Buku Saku Ramadhan, Muhammad Shalih Al-Munajjid.*
- *Panduan Ramadhan, Muhammad Abduh Tuasikal.*
- *Sumber-sumber lain.*



**PERSATUAN MUHAMMADIYAH**

14 Jalan Selamat, Singapore 418513

Tel: 6242 7388 , [www.muhammadiyah.org.sg](http://www.muhammadiyah.org.sg)